# LIVE – Pengasas AIP di BNC TV

SIARAN LANGSUNG PENGASAS AKADEMI INSAN PRIHATIN (AIP) DI BERNAMA NEWS CHANNEL TV.

---

# PRU14 – PILIHANRAYA PALING SENGIT

---

# PERAK PULA BAN USTAZ ZAMIHAN & ROZAIMI

---

# SOKONGAN BUAT WARGA GURU

---

# PARENTING TIPS #10 : AJAR ANAK BEKERJA

---

## Anda mahu jadi golongan yang mana?

DALAM BISNES ADA 3 GOLONGAN ORANG YANG MENGEJAR KEJAYAAN
.
GOLONGAN PERTAMA adalah mereka yang mencuba dengan sedaya upaya untuk mengubah nasib mereka dengan perniagaan untuk membina harta sebanyak mungkin.
.
GOLONGAN KEDUA adalah golongan pertama yang konsisten dan mampu melakar kejayaan lalu mengumpul banyak harta. Ini dipanggil orang kaya. Golongan ini selalu masuk Forbes dan menang award macam-macam
.
GOLONGAN KETIGA adalah orang kaya yang harta banyak tidak lagi memuaskan hati mereka lalu mereka berusaha untuk leverage atau berkongsi kekayaan itu dengan orang lain dan mereka tidak kisah langsung untuk hidup dalam sekadar kecukupan sahaja walaupun tidak mewah. Orang ini biasanya, berlumba-lumbalah harta untuk meluru ke kantungnya namun dia tetap salurkannya kepada yang lain. INILAH GOLONGAN ORANG BERJAYA!
.
Dalam dunia, kita selalu nampak kolam dan tasik akan kering. Tapi kita jarang lihat sungai menjadi kering. Kenapa? Sungai

tidak MENGUMPUL air tetapi MENGALIRKAN air. Dari aliran itu, ramai di hiliran boleh menangkap ikan, berperahu, mengairi tanaman, minum, mandi, memasak dan lain-lain. BERKONGSILAH.

---

# RECONQUISTA – SIRI 5: PERKEMBANGAN BANGSA TURK DAN TERCETUSNYA PERANG SALIB

---

# APA YANG TIDAK KENA DENGAN USTAZ AUNI? APA HUBUNGANNYA DENGAN RPWP?

---

# APA YANG TIDAK KENA DENGAN USTAZ AUNI? APA HUBUNGANNYA

## DENGAN RPWP?

---

## Sedih memerhatikan suasana ‘pesta’ Tahun Baru.

---

## PERLUKAH KITA SALAHKAN ZIONIS ISRAEL? – PENJELASAN YANG RINGKAS DAN MUDAH.

---

## FRIENDLY REMINDER UNTUK SAHABAT PEMIMPIN YANG DIKASIHI

---

# JIKA TIDAK DARI ALLAH PASTI BANYAK KONFLIK

---

# Perkembangan yang amat membimbangkan

Perkembangan yang amat membimbangkan… Islam itu agama yang menyatukan. Tetapi apa sudah jadi sekarang?

---

# CURI BATERI KERETA DALAM 30 SAAT

---

# Juvenile rapist, pendedahan

# oleh doktor Wawa

Baru-baru ini di tengah-tengah kesibukan klinik, ada seorang budak lelaki berumur lingkungan 5 tahun berlari-lari di ruang menunggu. Bukan berlari saja-saja, tetapi berlari sambil mengejar punggung wanita dewasa untuk dicubit atau diramas.

Ibu bapa budak itu hanya tertawa memerhatikan keletah anak mereka. Memandangkan tiada sesiapa yang menghalang budak itu, saya terpaksa bertindak menegur budak itu dan ‘sound’ ibu bapanya.

“Adik, adik lelaki tau. Tak boleh pegang-pegang punggung orang perempuan macam tu,” tegas saya.

Dan panjang lebar juga saya beri parenting education kepada ibu bapa budak berkenaan.

Kenapa saya marah?

Selain kes pedophilia dan sumbang mahram, juvenile rapists adalah satu lagi bala yang wujud di Malaysia. Mudah kata, Juvenile Rapists adalah perogol yang berumur bawah 18 tahun.

Main Kahwin-Kahwin

Lebih kurang dua tahun lalu, ketika saya dimasukkan ke wad (sewaktu mengandung), saya sempat bersembang dengan seorang pesakit yang juga bekerja sebagai guru tadika.

“Doktor, kalau hantar anak pergi taska, tadika atau pengasuh, balik rumah kena periksa fizikal anak-anak. Budak-budak zaman sekarang lain sikit,” katanya membuatkan saya berdebar. Apalah yang dia mahu ceritakan ini.

Dia pun menceritakan pengalamannya menjaga budak di tadika. Ada dua beradik perempuan ini, seorang berumur 6 tahun dan adiknya berumur 4 tahun. Satu hari, cikgu tadika ternampak dua beradik bersama seorang lagi budak lelaki berumur 6 tahun

bermain di bawah meja makan. Si kakak suruh budak lelaki tadi buka seluar dan duduk di atas adiknya.

“Eh? Buat apa ni?!” terkejut si cikgu melihat kejadian itu.

“Kitorang main kahwin-kahwin,” si kakak menjawab tanpa rasa takut atau bersalah.

Dengan tenang, cikgu itu duduk bersembang dan bertanyakan lebih lanjut pada si kakak.

“Kakak, hari ini teacher hantar balik ye. Nanti kakak cerita mana kakak belajar main kahwin-kahwin,” katanya.

Petang itu, si kakak bercerita yang dia seringkali diajak bermain ‘kahwin-kahwin’ dengan jiran lelaki berusia 12 tahun. Si kakak pun menunjukkan kawasan semak di tempat dia bermain. Dia juga menceritakan secara terperinci setiap ‘langkah-langkah’ yang menjengkelkan dalam permainan itu. Saya tak mahu cerita dengan lanjut.

“Selepas main, kakak selalu dapat aiskrim. Tetapi abang A tak bagi kakak beritahu mak sebab takut mak marah,” katanya.

Hal itu dimaklumkan kepada ibu dua beradik itu, malangnya tiada tindakan yang diambil.

Sudah ramai Juvenile Rapists di Malaysia terutama sekali pelajar sekolah menengah. Tak sempat untuk saya ceritakan kesemuanya.

Cuma, hal ini tidak mendapat liputan. Juvenile Rapist yang paling muda saya pernah encounter berumur 6 tahun (budak tadika). Kebanyakan yang lain pelajar sekolah menengah.

Sepanjang saya bekerja di Mesir dulu, tidak pernah saya jumpa perkara seperti ini. Mungkin sebab budak-budak di sana disibukkan dengan hafazan Al-Quran dan mereka tidak terlalu terdedah dengan gajet.

Zaman sudah berubah, anak-anak kita sedang berisiko terdedah dengan perkara-perkara ganas dan lucah di media-media. Ibu bapa perlu mengawal apa yang ditonton, dimain dan pergaulan anak-anak.

Anak perempuan perlu diajar sifat malu, manakala anak lelaki perlu diajar melindungi dan menghormati perempuan.

Jadilah teman paling rapat dengan anak-anak. Temankan mereka bermain, bercerita, bermanja. Maaf sekiranya post ini mengganggu mood hujung minggu anda. Sekian.

– Dokturah Wawa –

---

# KISAH JUTAWAN YANG MENFAKIRKAN DIRI

JUTAWAN INI SERAHKAN SELURUH KEKAYAANNYA UNTUK BUKA RUMAH KEBAJIKAN YANG TIDAK MEMINTA DERMA. SELEPAS 11 TAHUN ANAK-ANAK YATIM JAGAANNYA MENJUMPAI KERATAN AKHBAR INI DAN….

---

# ANTARA DUA DARJAT – KISAH ANAK MAKAN LAUK GARAM

# Bagaimanakan China boleh memusnahkan Amerika







Bagaimanakan China boleh memusnahkan Amerika?
1. Semenjak 6 tahun yang lalu, US dan Bank-Bank di Wall Street telah mencetak trillion duit kertas Dollar Amerika bagi tujuan mengekalkan ekonomi dan dagangan US serta peperangan dengan negara-negara luar.

2. Bertrillion duit kertas ini kini dalam Simpanan China. Ini kerana apabila pedagang Amerika mengimport daripada China, maka mereka menyerahkan (membayar) berbilion-bilion wang kertas Dollar ini kepada China bagi mendapatkan produk China (Majoriti Pengilang China menerima USD sebagai pembayaran). Yuan China pula tidak begitu banyak mengalir ke US kerana 1. China menerima USD sebagai matawang pembayaran dan 2. China tidak sebegitu banyak mengimport daripada US.

3. Oleh itu secara analoginya, bayangkan saja seolah-olah China sedang menyimpan segunung wang kertas USD di dalam China.

4. Kemudian bayangkan pula bahawa segunung wang kertas ini secara realitinya hanya kertas saja. Ia tiada nilai kerana tidak disandarkan kepada Emas kerana di Perbendaharaan US sudah tiada emas. Kalau segunung kertas ini hendak diguna membeli bergunung produk dari US pun tiada guna sebab

hakikatnya US sekarang bukan banyak produk pun dan kalau ada pun lebih baik dibeli di negara lain. Nak guna beli hasil bumi US pun tak guna sebab US sudah tiada hasil bumi.

5. So kesimpulannya US Dollar tu hanya seperti kertas jamban saja. Tiada nilai. Tapi masih dipakai dijalanraya dan di antarabangsa sebab convinient saja. Semua negara pakai Dollar untuk jual beli. So Negara A nak beli barang dari negara B pun pakai dollar sedangkan A dan B ada matawang masih-masing. Sebab benda tu dah terbiasa. So convinience menyebabkan orang masih pakai dolar dalam berdagang.

6.Tapi Kerajaan China dan Rusia dan banyak negara tahu ianya tiada nilai. Nilainya sekarang hanya suatu ilusi sementara.

7. Dan Amerika berterusan mencetak Dollar ini bagi membiayai perang dan ekonominya. Hakikatnya Dollar adalah seperti mata wang pokok pisang masa jepun dulu. Sedang banjir di pasaran dunia dan tiada nilai. Kosong. Tapi orang ramai tak tau sebab ilusi masih berjalan dengan bantuan media.

9. Bayangkan jika China, yang nilai matawang Yuannya disandarkan kepada volume pengeluaran barang dagangannya diturunkan oleh China sendiri. Tentulah makin murah nak beli barangan dari China kan? So Negara A, B, C, D, E, F, G hingga Z semua kata senanglah kita nak borong dari China. So makin banyaklah barang nak dibeli – DARI CHINA – BUKAN DARI US.

10. Dan buat masa sekarang, Negara A, B, C, D, E, F, G masih boleh bayar pada China guna Dollar lagi.

11. Tapi bayangkan apa akan jadi kalau China join BRICS dan tetiba umumkan bahawa hanya matawang China, Russia, Brazil, India, dan South Africa saja yang akan diterima oleh China sebagai matawang bayaran.
12. Atau bagaimana kalau BRICS tetiba setuju bahawa matawang dagangan bagi anggota BRICS adalah YUAN MENGGANTIKAN DOLLAR?

13. Sudah tentu Negara A, B, C, D, E, F, G hingga Z semua

terpaksa beralih kepada YUAN (atau matawang BRICS) dan meninggalkan Dollar.
14. So kalau Dollar kehilangan sifat “convinience” maka apa lagi gunanya DOLLAR?

15. Bila Negara A, B, C, D, E, F, G hingga Z dah tak nak simpan banya DOLLAR maka pasti nilai DOLLAR akan jatuh. Bila DOLLAR jatuh maka WALL STREET akan panik. Semua penyangak matawang asing yang banyak simpan DOLLAR sebagai invetori dagangan akan berlumba-lumba jual koleksi kertas jamban mereka. Makin jatuhlah Dollar. Malahan akan bertambah banjirlah dunia dengan kertas jamban yang dilupus oleh penyangak peniaga mata wang ini.

16. Dan sekarang bayangkan pula apa akan berlaku jika China ambil keputusan membanjirkan lagi dunia yang sudah banjir dengan Dollar dengan segunung kertas jamban Dollar dalam simpanannya?

17. Pasti Dollar jatuh lagi. Kali ini hampir kepada “0”.

18. So jika Dollar menjadi kosong atau hampir kosong, apa nasib rakyat Amerika. Mereka sudah tiada minyak tapi tak dapat beli minyak dari Arab sebab hanya ada kertas jamban. Mereka nak beli makanan dari Thailand sebab di US boleh kata sudah tiada pengeluaran makanan tapi tiada benda nak ditukar kecuali kertas jamban. Mereka perlu itu ini dari Eropah untuk hidup tapi tiada apa untuk ditawarkan kecuali kertas jamban?

19. Pasti seluruh negara US akan tumbang, hancur dengan rusuhan di sana-sini.

20. Tapi selain dari KERTAS JAMBAN, US ada satu lagi yang dia boleh pakai – KEKUATAN MILITER nya.

21. Oleh itu kesimpulannya – kita di ambang perang dunia dan itulah sebabnya Tianjin dan Shandong diletupkan oleh US baru-baru ini.

# LEPAS DISIASAT POLIS, SPRM ANJUR SOLAT HAJAT PERDANA

LEPAS DISIASAT POLIS, SPRM ANJUR SOLAT HAJAT PERDANA

Timeline hampir kesemua media dipenuhi dengan berita ini sejak petang semalam. Sedih dan sayu membaca apa yang ditulis serta gambar yang disiarkan oleh para pemberita. Diberitakan ramai yang khusyuk berdoa sehingga menitiskan airmata.

Sama-samalah kita doakan agar para pegawai dan anggota SPRM dapat menjalankan tugas mereka dengan gigih, telus dan saksama. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul

Kami telah teliti semua artikel mengenai berita ini dari semua saluran media untuk mendapatkan kesahihannya. Kami petik dari semua sumber agar dapat kita hayati beritanya.

“Allahumma Salaamatan Fiddien”

WARGA PRIHATIN

* * * * * * * *

PUTRAJAYA — Ogos 04, 2015 : Kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyertai Majlis Solat Hajat Perdana hari ini bagi memohon agar institusi itu diberi kekuatan untuk terus kukuh dalam menyelamatkan negara daripada gejala rasuah. Ia telah diadakan di bangunan pentadbiran SPRM di sini selepas solat Zohor, dipimpin Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Zakaria Jaffar.

Tazkirah ringkas dan doa memohon supaya SPRM dapat meneruskan perjuangan membela maruah agama, bangsa dan tanah air disusuli selepas itu.

Antara kandungan doa berkenaan ialah: “Kami memohon kepada-Mu, ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk melaksanakan tugas dengan sebaik-baik mungkin. Berilah bimbingan dan petunjuk bagi mencapai kejayaan dalam melaksanakan tugas kami memerangi perbuatan rasuah yang mungkar dan penuh dengan dosa.”

Zakaria turut memohon supaya Allah memberi kekuatan kepada pegawainya mempertahankan masyarakat dan negara daripada dicemari dengan rasuah dan penyelewengan.

“Rasuah ini berpunca daripada perbuatan yang haram. Rasullah kata, orang yang memberi dan menerima rasuah masuk neraka. Nak cegah orang masuk neraka ini satu pekerjaan yang berat, yang besar. Jadi, kita kena minta tolong daripada Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui yang akan menunjuk jalan membantu kita melaksanakan tugas terbaik dan paling mulia,” katanya.

Zakaria, 58, yang akan bersara secara rasmi pada 12 Oktober ini berkata, sepanjang 35 tahun khidmatnya dalam agensi itu, beliau menganggap perjuangannya ialah “mencegah individu daripada terjerumus ke neraka”.

“Daripada masuk kerja, sampai habis pencen, 35 tahun berjuang mencegah orang daripada masuk neraka dan saya menjadikan sepanjang hidup itu sebagai satu ibadah. Apabila saya keluar daripada (SPRM) ini, saya pindahkan apa yang saya yakini kepada semua warga SPRM, supaya sepanjang masa apa yang dibuat ini menjadi ibadah di sisi Allah,” katanya.

CAWANGAN SPRM SELURUH NEGARA

Selain di Putrajaya, beberapa cawangan SPRM negeri turut bersama menganjurkan solat hajat.

Antaranya di Negeri Sembilan di mana solat hajat didirikan selepas solat dhuha sekitar jam 9 pagi dan dihadiri 36 kakitangan termasuk Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Datuk Shaharom Nizam.

Sementara Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Abd Aziz Aban mengambil peluang menyampaikan amanat dan pesanan kepada pegawai dan kakitangan yang menjadi jemaah solat hajat.

Selain itu, SPRM Johor, Melaka dan Terengganu turut diadakan pada Isnin dan Selasa.

SIRI PENAHANAN PEGAWAI SPRM

Solat hajat ini dilakukan selepas beberapa pegawai tertinggi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditahan bagi membantu siasatan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Setakat ini, beberapa pegawai SPRM telah ditahan dan diambil keterangan berhubung kes kebocoran maklumat siasatan terhadap skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Antara yang telah ditahan untuk diambil keterangannya ialah Pengarah Operasi Khas Datuk Bahri Mohamad Zin dan Pengarah Forensik Datuk IG Chandran dan pegawai SPRM, Tuan Roslan Tuan Mat.

Semalam, polis Cawangan Khas menyoal siasat Pengarah Operasi Khas SPRM Datuk Bahri Mohamad Zin bagi membantu siasatan dalam kes kebocoran maklumat siasatan 1MDB.

Manakala bekas Ahli Lembaga Penasihat SPRM Tan Sri Rashpal Singh ditahan Sabtu lalu kerana dipercayai berkaitan dengan laporan pertemuannya dengan Editor Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown di London.

Polis Cawangan Khas turut menyerbu pejabat Timbalan Pendakwa Raya SPRM Ahmad Sazilee Abdul Khairi mencari dokumen berkaitan syarikat pelaburan negara yang sarat dibebani hutang berbilion ringgit itu. Serbuan di pejabat Sazilee di Bahagian Operasi

Khas SPRM Putrajaya itu turut merampas sebuah komputer riba, malah kediamannya juga diperiksa.

Sazilee, pegawai yang dipinjamkan daripada Jabatan Peguam Negara, antara 3 yang ditahan minggu lalu selain Rashpal dan Sekretariat Kewangan dan Pasukan Petugas Khas Pentadbiran Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) Jabatan Peguam Negara, Jessica Gurmeet Kaur.

KREDIT BERITA & FOTO : BERNAMA, SINAR HARIAN, MALAYSIA KINI, ASTRO AWANI, TMI,